

**Zahid selar pengkritik tidak hargai usaha kerajaan sediakan perkhidmatan terbaik**  
**The Malaysian Insider**  
**Oct 1, 2015**

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hari ini menyelar pihak yang hanya pandai mengkritik kerajaan dan tidak menghargai usaha kerajaan menyediakan perkhidmatan terbaik untuk rakyat.

Beliau berkata pihak berkenaan layak digelar golongan jumud yang hanya tahu menikmati kemudahan disediakan tetapi tidak pernah berterima kasih kepada kerajaan.

Sebagai contoh, katanya kerajaan menyediakan lebih RM300 juta setiap tahun menerusi Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi membiayai urusan pendaftaran dan pengeluaran dokumen pengenalan diri kepada penduduk negara ini.

"Masih ramai lagi yang tidak tahu dokumen pengenalan diri ini seperti MyKid dan MyKad mendapat subsidi kerajaan. Kos bahan mentah untuk MyKid RM9.05 sekeping namun dikeluarkan secara percuma.

"Kos bahan mentah MyKad RM22.80 sekeping walaupun bayaran hanya RM10. Mana ada kerajaan yang 'berniaga' begini. Itu pun tidak dihargai sebaliknya hanya tahu mengkritik saja," katanya ketika berucap merasmikan Hari JPN di Putrajaya, hari ini.

Zahid yang juga menteri dalam negeri berkata malah, beberapa negara luar seperti Tanzania dan Uganda mengunjungi JPN untuk mempelajari perancangan dan pelaksanaan sistem pendaftaran negara kita.

"Kenapa negara luar boleh menghargai kejayaan kita, tetapi segelintir rakyat Malaysia yang menerima perkhidmatan terbaik tidak menghargai kita dan tidak berterima kasih kepada JPN.

"Jadi, kita beritahu pengkritik kerajaan, sedarlah kerajaan sentiasa melakukan terbaik untuk rakyatnya. Jangan mengkritik saja dan ketahuilah tidak ada negara lain secepat JPN dalam memproses dokumen peristiwa penting," katanya.

JPN menyediakan perkhidmatan kaunter 365 hari setahun dari pagi hingga ke malam di 228 cawangannya di seluruh negara termasuk di 10 Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

Proses pengeluaran sijil kelahiran dan kematian mengambil masa 20 minit, MyKid (satu jam) dan MyKad dalam 24 jam di 45 cawangan JPN termasuk di Putrajaya dan semua cawangannya di Pusat Transformasi Bandar (UTC).

"Setiap hari, lebih kurang 19,000 permohonan berkaitan dengan perkahwinan, kelahiran, kematian, dan kad pengenalan diterima di semua cawangan JPN atau melalui program turun padang.

"Angka ini boleh meningkat hingga 23,000 setiap hari semasa musim perayaan atau cuti sekolah. Sejumlah 5.69 juta permohonan diproses oleh JPN pada tahun lepas, peningkatan hampir 11.2 peratus berbanding 2013," katanya.

Pada majlis sama, Zahid juga menyampaikan kad pengenalan Warga Malaysia-Evolusi Dokumen Pengenalan diri, sijil pengupacaraan perkahwinan dan dokumen pengenalan diri kepada 30 penerima. – Bernama, 1 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/zahid-selar-pengkritik-tidak-haragai-usaha-kerajaan-sediakan-perkhidmatan-te>